

CNS2978

U OB 12 00 00178 BA909

BAH

SARAWAK BIJAK MENCOUNAKAN KEKAYAANNYA UNTUK MAJU  
Mahathir Sarawak

MIRI, 12 Sept (Bernama) Kebijaksanaan menggunakan hasil negeri serta peruntukan daripada kerajaan sepenuhnya merupakan faktor utama kejayaan Sarawak membangun begitu pesat sejak 10 tahun lalu, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia juga telah menjadikan pembangunan di Sarawak antara yang paling pesat berbanding dengan negeri negeri lain di Semenanjung Malaysia atau Sabah, katanya pada Majlis Jamuan Malam di Dewan Suarah di sini sempena lawatannya selama dua hari ke Sarawak mulai hari ini.

Beliau yakin Sarawak yang dipimpin oleh Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, akan mengalami pembangunan yang lebih pesat serta menjadi pusat pelancongan utama negara.

+Saya juga yakin Miri akan menjadi kota raya dalam masa 15 tahun dari sekarang memandangkan terdapatnya sumber minyak serta tarikan semula jadi seperti Cua Mulu,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, semua ini hanya akan tercapai jika pentadbiran yang ada sekarang terus dikekalkan kerana ia telah membuktikan keupayaannya bekerja untuk rakyat berbilang kaum serta generasi masa depan. Lagi.

▼12/09/23 02MST

CNS2979

U OB 12 00 00140 BA910

BAH

Mahathir Sarawak 2 Miri

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan pusat sentiasa peka serta memberi perhatian kepada keperluan dan kebajikan rakyat dalam semua bidang termasuk pendidikan.

+Kita akan kaji+ segala permintaan termasuk cadangan menubuhkan universiti di Sarawak, katanya sambil menambah kata bahawa terpulanglah kepada Menteri Pendidikan, Datuk Dr Sulaiman Haji Daud yang kebetulan berasal dari Sarawak.

Sebelum itu, Menteri di Pejabat Ketua Menteri Datuk Dr George Chan berkata, kestabilan politik Sarawak telah menjadikan ia antara negeri yang paling harmonis dalam negara.

Ini adalah berkat usaha gigih serta prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) menerusi dasar pembangunan yang dinamik dan adil, katanya.

Bagaimanapun, rakyat perlu berwaspada terhadap mereka yang hanya pandai menabur janji manis tetapi kosong umpama +golongan serigala yang menyamar sebagai kambing+, katanya.

Datuk Dr Chan yakin bandar Miri akan menjadi kota raya dalam tempoh 15 tahun lagi memandangkan pertumbuhan serta pembangunan yang pesat serta peruntukan kewangan yang lebih daripada kerajaan pusat untuk pembangunan prasarananya.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan Tan Sri Haji Abdul Taib serta isterinya, Puan Sri Laila turut hadir pada majlis itu.

Esok, Perdana Menteri akan ke Betong di Bahagian Sri Aman untuk merasmikan pembukaan sekolah vokasional di sana dan menunaikan sembahyang Jumaat di Kuching sebelum pulang ke Kuala Lumpur. Bernama.

▼12/09/23 17MST